

Liberalisasi sektor khidmat guaman

Pelengkap pakej sektor kecil, kewangan: PM

Oleh Anwar Hussin dan Zainab Mohd Yatim
(lhdnews@hutan.com.my)

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan liberalisasi dalam sektor perkhidmatan guaman dengan membenarkan lima firma terkemuka antarabangsa dalam bidang itu yang memiliki kepakaran kewangan Islam, menawarkan khidmat di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, pengumuman terbaru itu adalah pelengkap kepada pakej liberalisasi sektor kecil perkhidmatan dan kewangan yang diumumkan bulan lalu, yang turut membolehkan kehilangan lima lesen bank dan dua takaful mulai tahun ini hingga 2011.

"Ia juga meliputi kelonggaran had ekuiti asing daripada 49 kepada 70 peratus kepada bank pelaburan, bank Islam, syarikat insurans dan takaful," katanya ketika merasmikan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) 2009 keenam dan Sidang Kemuncak Penyelidikan Halal Dunia 2009 kedua anjuran Perbadanan Pemba-

ngunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), di sini, semalam.

Turut hadir pada pelancaran pameran lima hari yang berlangsung di Pusat Pameran dan Konvensyen Matrade, di sini, hingga Ahad ini ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapa Mohamed.

Pada 22 April lalu, Najib mengumumkan liberalisasi 27 sektor kecil perkhidmatan tanpa sebarang syarat penganugerahan ekuiti tempatan, berkuasa serta-merta.

Ia meliputi perkhidmatan dalam bidang komputer dan yang berkaitan; pelancongan; kesihatan dan sosial; pengangkutan; sukan dan rekreasi; perniagaan; sewan/pajakan tanpa operator serta pengangkutan sokongan dan bantuan.

Sementara itu, Najib yang juga Menteri Kewangan meminta sektor swasta lebih proaktif mencari kaedah baru mengembangkan industri halal bagi memastikan kapasiti negara membekal barangan dan perkhidmatan halal yang berterusan, selain mempercepatkan kemasukan ke pasaran global.

Perdana Menteri berkata, ini bagi memastikan peluang yang ditawarkan dalam sektor halal yang begitu besar dengan anggaran nilai pasaran AS\$2.1 trilion setahun, diterokai dengan sepenuhnya.

Beliau menggariskan beberapa cadangan, termasuk menggesa sektor swasta mewujudkan hubungan dengan jenama produk halal antarabangsa; menjalin usaha sama strategik di kalangan pelabur tempatan dan luar negara; serta mengambil kesempatan hubungan kukuh antara Malaysia dengan negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Afrika dan China.

“Ia juga meliputi kelonggaran had ekuiti asing daripada 49 kepada 70 peratus kepada bank pelaburan, bank Islam, syarikat insurans dan takaful”

Najib Razak
 Perdana Menteri



NAJIB menabur kacang ke atas ramuan coklat keluaran Fidani Chocolatier Sdn Bhd ketika melawat gerai pameran yang menyertai Pameran Halal Antarabangsa Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.

“Untuk mempercepatkan kemasukan ke pasaran global halal, pelabur tempatan harus menimbangkan strategi mewujudkan hubungan dengan jenama produk halal antarabangsa, sama ada menerusi penyertaan ekuiti atau mengambil alih jenama terkemuka.

“Juga penting diwujudkan usaha sama strategik di kalangan pelabur sektor halal tidak kira tempatan atau luar negara bagi menggunakan kekuatan masing-masing seperti dari segi bekalan bahan mentah, ramuan, teknologi, rangkaian pengedaran serta penjenamaan.

“Sekali lagi, saya menyeru syarikat tempatan, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menerajui usaha sama strategik berkenaan dengan perbadanan tempa-

tan dan antarabangsa dalam industri halal.

“Dalam mewujudkan usaha sama strategik di kalangan pelabur sektor halal tempatan dan luar negara, pendekatan ini penting bagi menggunakan kekuatan masing-masing dari segi bekalan bahan mentah, ramuan, teknologi, rangkaian pengedaran dan penjenamaan,” katanya.

Perdana Menteri turut menggesa sektor swasta tempatan meningkatkan pelaburan dalam bidang pengeluaran, kemudahan sedia ada, penyelidikan dan pembangunan, teknologi serta pemasaran dan promosi industri halal, memandangkan kerajaan sudah mengambil pelbagai insentif menyokongnya.

Pelbagai insentif fiskal dan

bukan fiskal, selain infrastruktur-pengeluaran sudah dilaksanakan untuk membantu sektor swasta meningkatkan kapasiti untuk memenuhi permintaan pasaran, selain menarik pelaburan asing ke dalam sektor berkenaan.

Najib berkata, sebagai negara Islam moden dengan ekonomi terbuka, Malaysia mempunyai kelebihan daya saing dalam membangunkan industri halal.

“Hari ini, kami bangga melihat standard halal Malaysia digunakan oleh multinasional terkemuka seperti Nestle, Colgate-Palmolive, Ajinomoto dan Unilever,” katanya.

Jelasnya, Nestle kini sudah menjadi pengilang makanan terbesar dalam sektor halal dengan jualan melebihi AS\$3 bilion setahun di negara Islam.